

# 1.4 juta penjawat awam naik gaji

Oleh ZULKIFLI MANZOR  
zulkfli.manzor@kosmo.com.my  
Kosmo 9-3-2012 m.s. 4

**PUTRAJAYA** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pelarasan gaji tujuh hingga 13 peratus bagi sektor awam serta pembatalan struktur skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang mencetuskan kontroversi.

Keputusan itu dibuat selepas beliau meneliti cadangan yang dikemukakan oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) serta implikasi kewangan.

"Pelaksanaan skim SBPA yang diperkenalkan pada 1 Januari lalu dibatalkan dan kembali kepada Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang akan ditambah baik. Ekoran pembatalan SBPA maka pelarasan gaji penjawat awam yang diumumkan itu akan dibuat berdasarkan Jadual Gaji Matriks SSM," katanya.

Beliau mengumumkan perkara tersebut semasa berucap pada majlis perjumpaan khas bersama lebih 15,000 penjawat awam di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini semalam.

Najib berkata, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana di Gred 1 hingga Gred 54 akan menikmati pelarasan gaji sebanyak 13 peratus manakala Gred Utama dan Gred Khas C, B serta A mendapat pelarasan gaji sebanyak sembilan peratus.

Katanya, kerajaan turut mem-



NAJIB berucap di hadapan penjawat awam di PICC, Putrajaya semalam.

buat pelarasan gaji sebanyak lapan peratus untuk Turus II dan III serta pelarasan gaji sebanyak tujuh peratus untuk Turus I dan Ketua Setiausaha Negara.

Selain itu, beliau mengumumkan kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup bagi Kawasan B daripada RM200 kepada RM250 sebulan dan kenaikan daripada RM100 kepada RM150 sebulan bagi Kawasan C.

Najib turut mengumumkan penubuhan sebuah suruhanjaya khas untuk mengkaji secara komprehensif sistem persaraan dan bentuk perkhidmatan awam yang diperlukan pada masa depan.

Jelasnya, keputusan terbabit diharapkan dapat meredakan ketidakpuasan hati yang wujud dalam kalangan penjawat awam berhubung isu saraan mereka sebelum ini.

## INFO Kadar Bantuan Sara Hidup Mengikut Kawasan

### ■ KAWASAN A (kekal RM300)

- Pulau Pinang
- Selangor
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Wilayah Persekutuan Putrajaya
- Johor Selatan (Johor Bahru, Kota Tinggi, Kulajaya dan Pontian)

### ■ KAWASAN B (naik daripada RM200 kepada RM250)

- Melaka
- Negeri Sembilan
- Perak
- Pahang
- Terengganu
- Johor Utara (Kluang, Batu Pahat, Mersing, Muar, Ledang dan Segamat)

### ■ KAWASAN C (naik daripada RM100 kepada RM150)

- Kedah
- Kelantan
- Perlis

Sumber: <http://www.ppkkm.com>

## INFO Pemansuhan SBPA

■ Skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) dibatal dan mengekalkan Skim Saraan Malaysia (SSM) yang ditambah baik.

■ Penubuhan sebuah suruhanjaya untuk mengkaji secara komprehensif sistem saraan bagi penjawat awam pada masa depan.

■ Pelarasan gaji sebanyak 13 peratus bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dari Gred 1 hingga Gred 54 iaitu bagi Kumpulan Gred Utama C, B, A (sembilan peratus), Gred Turus 3 dan 2 (lapan peratus) dan Gred Turus Satu dan Ketua Setiausaha Negara (tujuh peratus).

■ Jadual gaji matriks diubah suai kepada gaji minimum-maksimum dengan kadar kenaikan RM80-RM320 bagi Gred 1-54 manakala gred bagi Jawatan Utama Sektor Awam kekal mengikut kenaikan tahunan SSM.

■ Elaun Bantuan Sara Hidup dinaikkan kepada RM250 sebulan daripada RM200 bagi Kawasan B manakala bagi Kawasan C dinaikkan kepada RM150 daripada RM100.

■ Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal, Bayaran Insentif Wilayah, Bayaran Insentif Pedalaman dan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan dikekalkan pelaksanaannya mengikut peraturan sedia ada di bawah SSM.

■ Keputusan penambahbaikan laluan kerja berasaskan prinsip **time-based** Pegawai Perkhidmatan Pendidikan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012 dikekalkan.